

15 MAY 1996

Abdullah-Kemboja

PELABUR MALAYSIA KEKAL, KERAJAAN TERUS SOKONG KEPIMPINAN KEMBOJA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Para pelabur Malaysia tidak akan berganjak dari Kemboja walaupun terdapat laporan wujud ketidakstabilan politik di negara itu sekarang manakala kerajaan pula terus menyokong kepimpinan yang ada, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Abdullah, yang baru kembali dari Kemboja selepas lawatan kerja dua hari pada hari Isnin dan semalam, berkata pelabur Malaysia di sana telah menyatakan pendirian mereka dalam pertemuan dengan beliau.

"Saya pula telah dihantar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kemboja untuk menyatakan sokongan Malaysia kepada kepimpinan Putera Norodom Ranaridh dan Hun Sen sebagai Perdana Menteri negara itu," katanya kepada pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen, di sini hari ini.

Sejak akhir-akhir ini terdapat laporan bahawa parti-parti yang diterajui oleh Ranaridh dan Hun Sen di Kemboja sedang menghadapi krisis politik yang mungkin menyebabkan perpecahan gabungan yang ditubuhkan untuk memerintah negara itu sekarang.

Menurut beberapa laporan media, perselisihan faham antara parti-parti yang diterajui kedua-dua pemimpin itu akan menyulitkan usaha membangunkan semula Kemboja yang baru pulih daripada peperangan saudara yang begitu lama.

Abdullah berkata, beliau telah menemui kedua-dua pemimpin Kemboja itu untuk menyampaikan kebimbangan Malaysia terhadap perkembangan politik di negara berkenaan.

"Perdana Menteri meminta saya beritahu mereka bahawa kita menyokong Kemboja, mereka adalah sahabat kita dan Malaysia akan terus memberi kerjasama kepada kerajaan kedua-dua pemimpin itu," katanya.

Katanya, Malaysia berharap Kemboja akan terus selamat dan stabil bagi membolehkan proses pembangunan semula berjalan lancar.

Menurut Abdullah, beliau telah memberi jaminan kepada kedua-dua pemimpin itu bahawa Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta negara melabur di sana kerana Malaysia komited kepada usaha membangunkan semula Kemboja.

Ketika ditanya reaksi Ranaridh dan Hun Sen kepada pandangan dan sokongan Malaysia, Abdullah berkata, kedua-dua pemimpin Kemboja itu menyuarakan sokongan kuat kepada kewujudan parti gabungan yang memerintah Kemboja sekarang dan akan melakukan sesuatu untuk memastikan kestabilan politik.

Mengenai kemungkinan Malaysia menarik balik bantuan dan pelaburannya di sana jika keadaan semakin genting, beliau berkata: "Kita tidak anggap akan sampai ke tahap itu".

Abdullah berkata, beliau juga mengambil kesempatan untuk berbincang dengan rakan sejawatannya, Ung Huot, mengenai persiapan Kemboja untuk menjadi anggota Asean yang kelapan tahun depan.

Katanya, persiapan rapi oleh Kemboja sekarang menunjukkan negara itu mampu menjadi anggota Asean yang aktif dan boleh mengikut proses Asean seperti tujuh anggota yang lain.

"Malaysia akan terus memberi bantuan teknikal kepada Kemboja walaupun ia sudah menjadi anggota Asean kelak," katanya.

Abdullah juga diminta mengulas kenyataan Pengarah Eksekutif Pusat Jepun bagi Strategi Antarabangsa, Eiichi Furukawa, bahawa Dr Mahathir akhirnya berjaya selepas lima tahun mencadangkan penubuhan Perundingan Ekonomi Asia

Timur (EAEC).

Menurut Furukawa, Jepun, yang selama ini cuba mengelakkan diri daripada menyatakan sokongan langsung kepada EAEC telah akhirnya bersetuju pada Februari lepas untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Asia Timur mengenai potensi ekonomi dan pembangunan Lembangan Mekong di sini bulan depan.

Abdullah berkata, tentangan terhadap EAEC sekarang tidaklah seaktif dulu kerana kebanyakan negara sudah mulai sedar bahawa kewujudan EAEC bukan untuk menggugat mana-mana pihak tetapi lebih untuk berbincang mengenai perkara-perkara yang ada kepentingan bersama.

"Kerjasama yang wujud ini tidak memudaratkan sesiapa dan tidak membawa masalah kepada sesiapa. Sebaliknya, kerjasama yang ada ini menyenangkan semua pihak," katanya.

Sambil menganggap beberapa mesyuarat yang melibatkan negara-negara Asean dengan penglibatan Jepun, China dan Korea Selatan sejak kebelakangan ini sebagai proses menyesuaikan diri dengan EAEC, beliau berkata, ia ternyata membawa banyak kebaikan kepada semua pihak.

"Peluang-peluang seperti ini mes|ilah diteruskan," katanya. -- BERNAMA  
AH NMO